

APO-RAMIPRIL CAPSULES

Ramipril (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Ramipril
2. Bagaimana Apo-Ramipril berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Ramipril
4. Cara menggunakan Apo-Ramipril
5. Semasa menggunakan Apo-Ramipril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Ramipril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apa kegunaan Apo-Ramipril

Apo-Ramipril tergolong dalam kumpulan perencat ACE (*Angiotensin Converting Enzyme*).

Ramipril digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi jenis ringan atau sederhana. Ia juga digunakan untuk mengurangkan risiko serangan jantung, strok, kematian kardio vaskular atau keperluan untuk prosedur *revascularization* (pemulihan peredaran darah ke suatu organ atau bahagian badan) untuk pesakit berumur 55 tahun keatas yang mempunyai faktor risiko tertentu.

Bagaimana Apo-Ramipril berfungsi

Ramipril berfungsi dengan menyekat enzim dalam badan yang diperlukan untuk menghasilkan sejenis bahan yang menyebabkan pengecuran saluran darah. Akibatnya, saluran darah menjadi kurang tegang dan ini merendahkan tekanan darah.

Sebelum menggunakan Apo-Ramipril

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika anda alah kepada ramipril atau mana-mana perencat ACE yang lain.

Jangan gunakan ramipril jika anda hamil. Berhenti menggunakan ramipril dan beritahu doktor dengan segera jika anda hamil. Ramipril boleh menyebabkan kecederaan atau kematian kepada bayi dalam kandungan jika ia diambil semasa trimester kedua atau ketiga. Gunakan kawalan kelahiran yang berkesan semasa mengambil ubat ini. Ramipril boleh dirembes dalam susu ibu dan mungkin boleh membahayakan bayi yang disusui susu ibu. Jangan menyusu anak semasa pengambilan ramipril.

- Sebelum mula menggunakan Apo-Ramipril

Untuk memastikan anda boleh mengambil ramipril dengan selamat, beritahu doktor jika anda mempunyai keadaan-keadaan seperti berikut:

- Penyakit buah pinggang (atau jika anda bergantung kepada dialisis);
- Penyakit hati;
- Penyakit jantung atau kegagalan jantung kongestif;
- kencing manis;
- Penyakit tisu penghubung seperti sindrom Marfan, sindrom *Sjogren*, lupus, *scleroderma*, atau artritis reumatoid.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Apabila diberikan bersama-sama dengan Apo-Ramipril, sesetengah jenis ubat boleh menyebabkan komplikasi. Ubat-ubatan termasuk ubat-

ubatan antihipertensi (contohnya, diuretik), *allopurinol*, *immunosuppressant*, kortikosteroid, suplemen litium atau kalium, pengganti garam yang mengandungi kalium.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Apo-Ramipril

- Berapa banyak harus digunakan

Bergantung kepada dos dan keadaan individu seperti tindak balas kepada ubat-ubatan, dos yang dicadangkan untuk orang dewasa bermula dari 2.5 hingga 10 mg sehari. Ambil ubat ini betul-betul seperti mana yang diarahkan oleh doktor anda.

- Bila perlu digunakan

APO-RAMIPRIL boleh diambil bila-bila masa mengikut arahan doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil APO-RAMIPRIL tanpa terlebih dahulu berbincang dengan doktor anda. Menghentikan pengambilan APO-RAMIPRIL secara tiba-tiba mungkin boleh memburukkan lagi keadaan anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas secepat mungkin bila anda teringat.

Jika ia sudah hampir masa untuk dos seterusnya, terus ambil dos seterusnya mengikut jadual masa yang ditetapkan tanpa menghirau

dos yang terlepas. Jangan gandakan dos untuk ubat ini.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika dos berlebihan berlaku, dalam semua kes, terapi dengan APO-RAMIPRIL harus dihentikan dengan serta-merta dan anda perlu menghubungi doktor atau pergi ke bahagian kecemasan di hospital yang terdekat.

Semasa menggunakan Apo-Ramipril

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Ramipril.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Ramipril dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Minum alkohol boleh merendahkan lagi tekanan darah anda dan mungkin meningkatkan kesan-kesan sampingan ramipril yang tertentu. Jangan gunakan garam gantian atau suplemen kalium semasa mengambil ramipril, melainkan jika doktor mengarahkan anda.

Keadaan-keadaan yang mungkin boleh menyebabkan tekanan

darah yang sangat rendah termasuk: muntah, cirit-birit, kuat berpeluh, sakit jantung, dialisis, diet garam yang rendah, atau mengambil diuretik (pil air). Ikut arahan doktor mengenai jenis dan jumlah cecair anda perlu minum semasa mengambil ramipril. Beritahu doktor jika anda mempunyai penyakit yang berpanjangan yang menyebabkan cirit-birit atau muntah-muntah.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Ramipril boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Hubungi doktor serta-merta jika anda mengalami kesan sampingan yang serius seperti berikut semasa mengambil ramipril:

- Rasa ringan kepala, pengan;
- Membuang air kecil lebih atau kurang daripada biasa, atau tidak sama sekali;
- Demam, menggigil, sakit badan, tanda-tanda selesema;
- Kulit pucat, kesukaran bernafas;
- Mudah lebam, pendarahan luar biasa, bintik ungu atau merah di bawah kulit anda;
- Degupan jantung yang cepat, berdebar-debar, atau tidak sekata;
- Sakit dada;
- Bengkak

Kesan sampingan Ramipril lain yang jarang tapi mungkin berlaku termasuk:

- batuk;
- Pening, mengantuk, sakit kepala;
- Mulut kering, kudis dalam mulut anda atau pada bibir anda;
- Loya, cirit-birit, sembelit;
- Kulit gatal-gatal atau ruam ringan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara Penyimpanan dan pelupusan Apo-Ramipril

- *Penyimpanan*

Anda diingatkan supaya menyimpan APO-RAMIPRIL dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh bulan dan tahun seperti mana yang ditulis pada EXP di bekas.

Simpan APO-RAMIPRIL pada suhu bilik (di bawah 25 ° C).

- *Pelupusan*

Tanya ahli farmasi apa yang perlu dilakukan dengan baki tablet jika doktor anda mengarah anda berhenti mengambilnya, atau telah lupus tarikh penggunaannya.

Maklumat Lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Kapsul berwarna putih, badan legap dengan penutup gelatin keras warna merah, tertera dengan "APO 5" dalam dakwat hitam. Diisi dengan serbuk putih ke keputih-putihan.

- *Bahan-bahan Kandungan*

- Bahan Aktif: Ramipril

- Bahan tidak aktif: *Lactose monohydrate, magnesium stearate, talc, Caps#4 White-Red Opaque (FD&C Blue #1, FD&C Red #40, D&C Red #28, D&C yellow #10 dan titanium dioxide).*

- *Nombor MAL*

MAL10021796A

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh Kemaskini RiMUP

26/1/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)130115/00016